



Penyakit 5M Usahawan Mesti Elak

👤 AUTHOR NORIZAN SHARIF

Ramai usahawan mula berbisnes dengan cara betul. Bagaimanapun, di tengah jalan mereka hilang tumpuan, kurang produktif dan bisnes menjadi perlahan. Sebahagian simptom yang menggagalkan bisnes berpunca dari lima penyakit ini:

1. Menghabiskan terlalu banyak masa di internet

Mereka gagal menahan nafsu untuk semak Facebook dan Twitter sepanjang masa. Kegilaan berkongsi kesemua pergerakan di media sosial juga bukanlah sesuatu yang baik. Ada yang baru berbisnes, tetapi berkongsi tips bisnes pada setiap langkah. Buat sikit, update Facebook. Melangkah setapak, update Twitter. Oleh kerana asyik nak update tips di media sosial, akhirnya mereka hilang tumpuan kepada bisnes.

2. Mengharapkan kesempurnaan

Dunia ini tidak sempurna. Vendor tidak sempurna. Staf tidak sempurna. Sementara kita harus berusaha memberikan (dan mengharapkan terbaik), kita juga kena belajar menerima ketidaksempurnaan. Sekiranya tidak, kita akan menghabiskan banyak masa membetulkan sesuatu yang tidak mempunyai nilai tinggi kepada bisnes.

3. Mesyuarat

Apabila banyak masa dihabiskan dengan mesyuarat, kita hilang masa untuk "bekerja." Betul, mesyuarat juga adalah "kerja," namun dengan mengurangkan masa mesyuarat, kita mempunyai banyak masa untuk melakukan kerja lain yang lebih penting.

4. Menjawab emel serta-merta

Sekarang hampir semua orang menggunakan smartphone. Bahananya ialah mesej seperti WhatsApp, emel dan SMS tiba serta-merta. Apabila kita menghadap smartphone sepanjang masa, tumpuan kita terjejas. Cara terbaik ialah menjadualkan masa membalas emel atau WhatsApp. Contoh, sewaktu rehat atau sebelah petang – kecuali ia adalah sesuatu yang mendesak. Sekiranya tidak, usah balas cepat-cepat.

5. Mengelak berhadapan dengan situasi mencabar

Walaupun bagaimana hebat sekali pun staf, pelanggan mengharapkan empunya bisnes sendiri menangani situasi itu. Usah lari dari tanggungjawab. Hadapi situasi tersebut walau bagaimana sukar sekali pun. Dengan cara ini, ia dapat ditangani segera dan tanpa bertangguh. Perbuatan menangkahkan berhadapan dengan situasi mencabar hanya menjadikan ia berlarutan, sekaligus menjejaskan tumpuan kita kepada bisnes.

🏷️ TAGS #INSKENOFFICIAL 📁 CATEGORY BISNES

Share this post:



Kesemua Usahawan Berjaya Ada Ciri Ini



RELATED POSTS



BISNES

Berapa Modal Untuk Mulakan Bisnes



BISNES

Kesemua Usahawan Berjaya Ada Ciri Ini



BISNES

10 Nasihat Untuk Berjaya Dalam Bisnes



BISNES

T-Shirt Hard Rock Cafe dari United Arab Emirates



BISNES

Facebook Ads & WOM



BISNES

Tabiat Mark Zuckerberg

CARIAN PROGRAM INSKEN

Lokasi

Seluruh Malaysia

Tarikh

DD/MM/YYYY

Keyword

Cari Program

KALENDAR AKTIVITI

- Bagaimana Mendapatkan Pensijilan Halal : Subang Jaya (11-12 Oktober 2017)
- Leveraging Contract and Vendor Partnership Towards SME Success, Sustainability and Competitiveness : Bandar Utama (12 October 2017)
- Role of Fintech in Meeting the Financial Needs of Entrepreneurs : Kuala Lumpur (19 October 2017)
- Senior Management Project Appreciation : Kuching (21 October 2017)
- INSKEN Graduate Entrepreneur Programme (IGEP) : Langkawi (23-26 October 2017)

Lihat Semua Aktiviti